

12 MAY, 2024

## Petani Sabah disaran teroka potensi tanaman limau bali

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# Petani Sabah disaran teroka potensi tanaman limau bali

### Marutin Ansung

TENOM: Sabah merekodkan pengeluaran limau bali sebanyak 134,000 kilogram bernilai RM527,000 setakat 7 Mei lepas, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Arthur Joseph Kurup.

Beliau berkata hal itu secara tidak langsung mencerminkan potensi pertanian limau bali yang boleh diteroka oleh petani di Sabah.

"Pada 2023, industri limau bali di Sabah mencatatkan hasil sebanyak 268,000 kilogram bersamaan dengan RM966,000. Sabah merupakan satu daripada pengeluar limau bali utama di Malaysia selain Perak.

"Justeru, bagi mengukuhkan kedudukan Sabah dalam pengeluaran serta pengeksportan limau bali, satu standard atau piawaian dalam kalangan petani dan pengeluar limau bali tempatan harus diwujudkan selaras dengan konsep Pintar yang menjadi hala tuju kementerian tahun ini," katanya.

Arthur yang juga Ahli Parlimen Pensiangan berkata demikian ketika merasmikan Kursus Amalan Pemasaran Baik, Standard Dan Kualiti Buah Limau Bali anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Sabah di sini, Khamis.



Arthur menunjukkan buah limau bali selepas merasmikan majlis itu.

Program itu dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sabah, Bahagian Kawalan Racun & Perosak Baja, Jabatan Pertanian Malaysia serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Sabah.

Sehubungan itu, Arthur berpendapat untuk mengukuhkan kedudukan Sabah

dalam pengeluaran serta pengeksportan buah limau bali, satu standard atau piawai dalam kalangan petani dan pengeluar limau bali tempatan harus diwujudkan selaras dengan konsep pintar yang menjadi hala tuju KPBM pada 2024.

Beliau turut menegaskan melalui pengajaran amalan terbaik dalam pemasaran,

matlamat penurunan kadar kerosakan lepas tuai dari 30% - 50% kepada kurang daripada 30% sepanjang rantai bekalan akan dapat dicapai dan seterusnya membantu mengurangkan kerugian hasil pertanian dan menjadikan industri pertanian lebih berkesan dan efisien.

Pada majlis tersebut Arthur turut menyaksikan sesi menandatangi perjanjian 'Forward Agreement' antara Fama Sabah dengan seramai 22 penanam buah limau bali Tenom.

Melalui perjanjian ini, Fama Sabah mensasarkan pembekalan buah limau bali sebanyak 10 metrik tan seminggu dan sejumlah 480 metrik tan setahun dengan kenaikan harga awal sebanyak RM3.80 sekilogram berbanding harga semasa RM3.60 sekilogram.

Arthur percaya dengan bimbingan daripada agensi KPBM di Sabah serta dengan sokongan padu Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan negeri (Maffi), penanam limau bali Tenom akan dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan seterusnya menjadikan industri ini sebagai pemangkin untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat di sini.

Hadir sama Ahli Parlimen Tenom Riduan Rubin dan Pengarah Fama Sabah, Sarmen Sidno.



12 MAY, 2024

## Petani Sabah disaran teroka potensi tanaman limau bali

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Marutin Ansung TENOM: Sabah merekodkan pengeluaran limau bali sebanyak 134,000 kilogram bernilai RM527,000 setakat 7 Mei lepas, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Arthur Joseph Kurup. Beliau berkata hal itu secara tidak langsung mencerminkan potensi pertanian limau bali yang boleh diterokai oleh petani di Sabah.“Pada 2023, industri limau bali di Sabah mencatatkan hasil sebanyak 268,000 kilogram bersamaan dengan RM966,000. Sabah merupakan satu daripada pengeluar limau bali utama di Malaysia selain Perak.